

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 7/2021

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**COVID-19: PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Seiring dengan keputusan pihak Kerajaan yang telah menetapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan, Kedah, Perak dan Kelantan mulai **5 Mac 2021** hingga **18 Mac 2021**, pihak pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menilai semula syarat kawalan aktiviti pengoperasiannya termasuk pergerakan keluar/masuk di Kampus UKM (Bangi dan Kuala Lumpur) dalam tempoh berkenaan seperti berikut:

i. PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN DI UKM

- a. Semua perkhidmatan di UKM masih beroperasi dengan kehadiran 30% (maksimum) bagi staf yang ditentukan oleh Ketua Jabatan masing-masing. Sistem penggiliran dan Bekerja Dari Rumah (BDR) masih diteruskan mengikut keperluan dengan mengambil kira kebajikan staf. Garis Panduan BDR yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar sebelum ini boleh dirujuk melalui pautan: <https://www.ukm.my/pendaftar>;
- b. Pengurusan Tertinggi/Dekan/Pengarah/Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) hendaklah hadir ke pejabat seperti biasa;
- c. Semua majlis rasmi/tidak rasmi yang melibatkan agensi kerajaan/swasta adalah dibenarkan **TERTAKLUK** kepada had kehadiran (50% keluasan premis) dan pelaksanaan hendaklah mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang diluluskan oleh pihak Ketua PTj masing-masing;



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



- d. Aktiviti seperti mesyuarat, seminar, pameran dan mesyuarat bersemuka adalah dibenarkan dengan had kehadiran 50% kapasiti ruang/premis dengan mematuhi aspek penjarakan fizikal dan SOP yang ketat;
- e. Semua aktiviti fizikal yang **tidak kritikal** adalah disaran untuk **ditangguhkan** sehingga perintah ini terbatal. Walau bagaimanapun, semua pekerja syarikat atau kontraktor luar yang terlibat dengan perkhidmatan penting (essential services) adalah dibenarkan masuk ke kawasan kampus dengan mematuhi SOP yang ketat. Kehadiran tidak tertakluk kepada had 30% seperti perkhidmatan sokongan yang lain;
- f. Operasi perkhidmatan di Tunas Permata, Fakulti Pendidikan adalah dibenarkan untuk dibuka semula dengan mematuhi SOP yang ketat seperti digariskan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, tarikh pembukaannya adalah bergantung kepada kesediaan pihak pengurusan di Tunas Permata, Fakulti Pendidikan;
- g. Pembukaan perkhidmatan dan pengoperasian Perpustakaan berdasarkan had kapasiti pengguna ditetapkan dalam satu-satu masa dengan pematuhan SOP yang ketat;
- h. Perkhidmatan Ujian Saringan COVID-19 di Makmal Institut Biologi Molekul Perubatan (UMBI) adalah diteruskan bagi membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- i. Pihak pengurusan Universiti telah bersetuju untuk menurunkan kuasa kepada semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi mengeluarkan “**SURAT KEBENARAN UNTUK BEKERJA DAN RENTAS NEGERI SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**”; dan
- j. Borang *Health Declaration Form* (HDF) hendaklah diisi seperti amalan sebelum ini.

ii. AKTIVITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (PdP)

- a. Enam (6) kategori pelajar adalah dibenarkan kembali ke kampus bagi mengikuti sesi PdP seawal 1 Mac 2021 seperti berikut:
 - 1) Pelajar dari program pengajian peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah yang memerlukan praktikal, makmal, klinikal, latih amal, studio, bengkel dan peralatan khas;
 - 2) Pelajar yang tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif bagi pelaksanaan PdP dalam talian;
 - 3) Pelajar Asasi atau Setara dan Diploma yang sedia ada di kampus boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid;



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

- 4) Semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu kecuali dari United Kingdom;
 - 5) Pelajar Berkeperluan Khas (OKU); dan
 - 6) Pelajar yang menduduki peperiksaan Malaysia University English Test (MUET), antarabangsa dan badan profesional.
- b. Semua pelajar yang telah berada di kampus adalah digalakkan untuk terus kekal di kampus dan mengikuti pembelajaran secara dalam talian atau hibrid. Bagi pelajar selain enam (6) kategori di atas, pembelajaran akan diteruskan secara dalam talian sepenuhnya sehingga tempoh PKPB ditamatkan dan mendapat kebenaran daripada pihak KPT;
 - c. **“SURAT KEBENARAN KELUAR/MASUK KAMPUS”** akan dikeluarkan oleh Universiti bagi membolehkan pelajar yang berkeperluan memohon kebenaran merentas negeri untuk tujuan ini. Permohonan Keluar/Masuk Kampus hendaklah dikemukakan kepada pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP-UKM) menerusi Sistem UKM2campus; dan
 - d. Semua aktiviti PdP yang mendapat kebenaran untuk dilaksanakan secara fizikal hendaklah mematuhi SOP yang ketat sepertimana yang disediakan oleh PTj masing-masing.

iii. HAL EHWAL PELAJAR (WARGANEGARA & BUKAN WARGANEGARA)

- a. Bagi proses kemasukan pelajar yang berkeperluan untuk kembali ke kampus pada Semester 2 Sesi Akademik 2020/ 2021, pelajar perlu membawa Surat Kebenaran Kembali ke Kampus dan Borang Pengisytiharan Kesihatan (HDF) semasa hari pendaftaran mengikut fasa yang telah ditetapkan;
- b. Pelajar yang menginap di luar kampus hendaklah membawa Surat Kebenaran Kembali ke Kampus untuk dikemukakan kepada anggota keselamatan bertugas di pintu masuk dan melaksanakan saringan kesihatan serta mengisi Borang HDF sebelum hadir ke makmal/studio/menjalankan aktiviti klinikal dan seumpamanya;
- c. Pelajar dibenarkan untuk makan di kafeteria dalam kampus tertakluk kepada SOP yang telah ditetapkan oleh MKN. Walau bagaimanapun, pembelian makanan secara *take away* dan perkhidmatan penghantaran makanan melalui aplikasi dalam talian adalah digalakkan; dan
- d. Pihak Universiti melalui HEP-UKM akan sentiasa bersedia membantu dan memastikan keperluan serta kebajikan para pelajar terjamin. Sekiranya pelajar memerlukan bantuan kebajikan dan informasi semasa berkaitan pelajar, pegawai berikut boleh dihubungi:



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

Nama : Encik Asyraf Radzwan
Jawatan : Penolong Pendaftar Kanan
Pusat Hal Ehwal Pelajar
E-mel : asyraf@ukm.edu.my
No. Telefon : 012-9510714 / 03-8921 3147

iv. AKTIVITI PENYELIDIKAN

- a. Semua aktiviti penyelidikan yang melibatkan kemudahan makmal adalah dibenarkan melalui surat kebenaran Ketua PTJ dengan mengikut SOP yang ketat;
- b. Pelajar luar kampus yang menjalankan aktiviti penyelidikan hendaklah mendapatkan surat kebenaran keluar/masuk kampus daripada Ketua PTJ masing-masing; dan
- c. Garis Panduan Aktiviti Penyelidikan Sebagai Langkah Pencegahan Penularan Wabak COVID-19 (Versi 2.0) yang dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan & Instrumentasi (CRIM) sebelum ini boleh dirujuk melalui pautan: <https://research.ukm.my/pekeliling-2/>.

v. PELAKSANAAN SOLAT DI MASJID UKM

- a. Jumlah kehadiran jemaah bagi solat fardu berjemaah di Masjid Universiti adalah dihadkan seramai 200 orang termasuk pengurusan Universiti dan staf Pusat Islam Universiti;
- b. Bagi Solat Jumaat, jumlah jemaah adalah dihadkan kepada 350 orang termasuk pengurusan Universiti dan staf Pusat Islam Universiti;
- c. Jemaah dikehendaki mematuhi SOP Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) khususnya mengambil wuduk sebelum ke masjid, membawa sejadah sendiri, memakai pelitup muka dan mengamalkan penjarakan fizikal;
- d. Individu yang tidak sihat atau mempunyai sebarang faktor risiko jangkitan COVID-19 adalah dilarang sama sekali melaksanakan solat di masjid; dan
- e. Pihak pengurusan Pusat Islam Universiti perlu memastikan jemaah mematuhi garis panduan lain yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KKM.



v. AKTIVITI RIADAH, REKREASI DAN BUDAYA

- a. Aktiviti riadah, rekreasi dan budaya di dalam kampus adalah dibenarkan mengikut SOP yang digariskan oleh MKN. Oleh itu, PTj yang bertanggungjawab hendaklah mematuhi SOP tersebut;
- b. Berdasarkan semakan terkini dengan pihak MKN dan Kementerian Belia & Sukan (KBS) pada 3 Mac 2021, acara sukan yang melibatkan sebarang sentuhan fizikal, sukan bertempur dan penganjuran kejohanan sukan adalah tidak dibenarkan; dan
- c. Aktiviti sukan yang dibenarkan adalah acara sukan secara individu dan tiada penonton dibenarkan.

vi. KESELAMATAN KAMPUS

- a. Warga kampus adalah dinasihatkan untuk menjaga keselamatan barangan peribadi dan alatan pejabat pada setiap masa dan memastikan semua premis berada di tahap keselamatan yang tinggi sebelum meninggalkannya sepanjang tempoh PKPB;
- b. Rondaan keselamatan akan dipertingkatkan dalam tempoh ini;
- c. Setiap individu yang masuk ke kampus adalah **WAJIB** mengemukakan surat kebenaran masuk kampus sekiranya diminta oleh mana-mana anggota keselamatan UKM;
- d. Laluan Keluar/Masuk Kampus UKM Bangi seperti berikut:
 - 1) Semua pintu akan beroperasi sepanjang tempoh PKPB;
 - 2) Pintu 2 dan 3 akan beroperasi mulai jam 6.00 pagi hingga 7.00 petang pada hari bekerja dan akan ditutup sepenuhnya pada hari minggu dan kelepasan am;
 - 3) Pintu 1 akan beroperasi selama tempoh 24 jam;
 - 4) Lencongan ke Jalan Bunga Raya akan dilaksanakan mulai jam 8.00 pagi setiap hari; dan
 - 5) Pengoperasian pos sementara petugas di Pintu 1 akan ditamatkan pada tarikh kuat kuasa PKPB.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

- e. Proses Saringan Kesehatan bagi warga yang hadir ke pejabat:
- 1) PTj bertanggungjawab menetapkan jadual kehadiran staf ke pejabat berdasarkan keperluan;
 - 2) Urusan pengimbasan MySejahtera dan saringan suhu akan dilakukan di PTJ masing-masing;
 - 3) Bahagian Keselamatan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kemasukan warga dan pelawat pada hari minggu dan hari kelepasan am;
 - 4) Pelawat yang masuk ke kampus pada hari minggu dan hari kelepasan am hendaklah membuat catatan kemasukan di Pos Bunga Raya. Manakala, Warga UKM hendaklah mempamerkan pelekat kenderaan/ kad pekerja/ kad pelajar kepada anggota bertugas; dan
 - 5) Warga UKM yang gagal mempamerkan pelekat kenderaan/ kad pekerja/ kad pelajar kepada anggota bertugas hendaklah membuat catatan kemasukan di Pos Bunga Raya.
- f. No. talian kecemasan di Bahagian Keselamatan (Talian 24 jam) yang boleh dihubungi sekiranya berlaku kecemasan adalah seperti berikut:
- 1) 03 - 8921 4444
 - 2) 03 - 8921 4666
 - 3) 013 -319 5449

3. Untuk makluman, Bilik Gerakan COVID-19 UKM di Pusat Kesehatan Universiti (PKU) akan beroperasi 24 jam. Sebarang pertanyaan dan bantuan, warga UKM boleh menghubungi:

- a. **Dr. Mohd Azman Abas**
Pegarah, Pusat Kesehatan Universiti
di talian: 016-6654442; dan
- b. **Dr. Masdalina Azhari**
Pegawai Perubatan, Pusat Kesehatan Universiti
di talian: 019-2645072


Pihak pengurusan Universiti merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga UKM kerana terus komited dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan UKM dan rakyat Negara ini terpelihara. Setiap warga dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi disiplin sosial yang tinggi bagi mengawal penularan wabak COVID-19.



Sekian, terima kasih.

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'

Yang benar,



DR. HJH. INA MD YASIN
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my